

# UMS bina dewan kuliah, perpustakaan UMS-KAL RM24 juta

NST 17/6/2011 4

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
(jainudin@newsabahtimes.com.my)

**LABUAN:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membina dewan kuliah pusat dan perpustakaan yang bernilai kira-kira RM24 juta untuk kampusnya di Universiti Malaysia Sabah- Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata kedua-dua projek itu masing-masing menelan kos sebanyak RM18 juta bagi pusat kuliah dan RM6 juta lagi untuk perpustakaan.

Katanya lagi, kedua-dua projek itu akan mula dilaksanakan bermula November ini di bawah peruntukan RMK10 yang dijangka dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun.

"Kita juga akan menaiktaraf kemudahan sukan dan kolej kediaman pelajar serta kemudahan lain untuk memberi keselesaan kepa-

da pelajar dan kakitangan UMS Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memengerusikan Mesyuarat Pembangunan Tertinggi (MPT) Bil. 5 / 2011 di Bilik Seminar, Bangunan Menara, UMS-KAL, kelmarin.

Terdahulu, beliau merasmikan replika Laman 1Malaysia yang disumbangkan oleh Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan dengan menandatangani plak dan menanam pokok bunga raya.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Kassim Mansur, Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj dan Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UMS, Ir Mohd Roslee Mohd Ali Lee.

Dr Kamaruzaman berkata UMS-KAL yang telah berusia lebih 10 tahun memerlukan pemantauan dan penyelenggaraan terhadap projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan



**KENANGAN....** Pegawai kanan UMS dan UMS-KAL bergambar kenangan bersama Dr Kamaruzaman (tiga dari kanan), Dr Kassim (enam dari kanan) dan Dr Shariff (empat dari kanan) selepas merasmikan replika Laman 1Malaysia sumbangan Jabatan Penerangan Malaysia, Labuan.

di kampus berkenaan.

Menurut beliau, UMS telah banyak membangunkan UMS-KAL dengan menyediakan projek pembangunan sejak penubuhan UMS-KAL pada 1999 untuk kemudahan pelajar dan kakitangan.

"Pihak pengurusan UMS akan memastikan UMS-KAL juga akan dibangunkan sama seperti kampus induk supaya ia memberi manfaat

kepada pelajar dan kakitangan," katanya.

Mengenai Laman 1Malaysia itu, Dr Kamaruzaman berkata UMS bukan bercakap sahaja mengenai gagasan 1Malaysia tetapi sentiasa mendukung aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang mahu melahirkan modal insan yang berkualiti dan mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.